

NO. SOALAN : 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING
[SERDANG]**

TARIKH : 10 JUN 2014

SOALAN :

DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan membenarkan wakil-wakil parti politik menjadi pembantu pendaftar (ARO) untuk mendaftar pengundi baru memandangkan jumlah bersih pengundi di setiap suku tahun sejak Pilihan Raya Umum ke-13 adalah negatif.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak membenarkan Penolong Pendaftar Pemilih (Parti Politik) membuat pendaftaran pemilih baru sekiranya tempoh pelantikannya telah tamat.

Buat masa ini, tiada pelantikan baru dibuat oleh SPR setelah tempoh pelantikan Penolong Pendaftar Pemilih (Parti Politik) sedia ada, tamat. Ini adalah bertujuan untuk membolehkan SPR membuat penyelarasan terhadap pelaksanaan kaedah-kaedah pendaftaran sedia ada.

Walau bagaimanapun, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di Kuanter Pendaftaran Pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, dan Pejabat-Pejabat Pos yang terpilih serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN : 61

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) apakah kos pembinaan sebenar ERL dan berapakah panjang landasan ERL antara KLIA dan KLIA 2; dan
- (b) berapakah hasil pendapatan tahunan yang dianggarkan dari landasan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kos pembinaan ERL daripada KLIA ke KLIA 2 adalah sebanyak RM100 juta dan panjang landasan berkembar elektrik dari KLIA ke KLIA 2 adalah 2.2 km. Pecahan butiran bagi kos pembinaan ERL tersebut adalah seperti berikut:

1. Kerja-kerja Sivil (Kerja Tanah, Jentera, Perparitan, Jejambat, Pagar & Landskap) = RM42.25 juta
2. Kerja-kerja Pembinaan Landasan = RM11.75 juta
3. Kerja-kerja Sistem (Persempayanan, Elektrifikasi dan Komunikasi) = RM30 juta
4. Pengalihan Utiliti dan Kerja-kerja yang Berkaitan = RM16 juta.

Dengan pembinaan ERL daripada KLIA ke KLIA 2 ini juga, kerajaan telah meningkatkan lagi tahap perkhidmatan kepada rakyat. Tambang ERL ke KLIA dan KLIA2 adalah sama daripada mana-mana destinasi. Tambang nominal RM2 yang dikenakan daripada KLIA ke KLIA2 adalah bagi menampung kos operasi dan penyelenggaraan oleh pihak ERL.

- (b) hasil pendapatan yang dianggarkan oleh ERL untuk jajaran dari KLIA ke KLIA 2 adalah sebanyak RM730,000 setahun.